



Tarikh : 30 Oktober 2014

**PEKELILING BENDAHARI BIL 2 TAHUN 2014**  
**MAKLUMAN MENGENAI PENETAPAN PROSEDUR ISO BAGI**  
**PEMBAYARAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk makluman kepada semua staf UniMAP berkaitan dengan penetapan Prosedur ISO bagi pembayaran tuntutan elaun perjalanan dalam negeri serta penggunaan borang tuntutan yang baru untuk prosedur tersebut.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Jabatan Bendahari telah menetapkan Prosedur ISO bagi pembayaran tuntutan elaun perjalanan dalam negeri kepada semua staf dan jemputan luar.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, borang tuntutan yang baru telah disediakan untuk digunakan oleh semua staf termasuk pensyarah / jurulatih sambilan serta jemputan luar UniMAP.
- 2.3 Borang tuntutan yang baru boleh diperolehi melalui laman web / portal Jabatan Bendahari.

### **3.0 PENGUATKUASAAN**

- 3.1 Prosedur ISO dan penggunaan borang tuntutan baru ini adalah berkuatkuasa pada 1 Disember 2014.
- 3.2 Penggunaan borang ini juga dipanjangkan kepada jemputan luar yang membuat tuntutan perjalanan dengan UniMAP. Pusat Tanggungjawab (PTJ) dimohon memaklumkan penggunaan borang ini kepada jemputan luar yang terlibat.
- 3.3 Staf dipohon agar tidak menggunakan borang yang lama dan borang ini tidak boleh dipinda kerana ia telah ditetapkan sebagai dokumen kualiti di dalam prosedur ISO dan ia merupakan sebahagian daripada syarat prosedur tersebut.
- 3.4 Kegagalan semua pihak mematuhi syarat ini akan menyebabkan prosedur ISO tersebut gagal dipatuhi dan akan menjelaskan audit oleh pihak audit kualiti / SIRIM. Jabatan Bendahari tidak akan memproses bayaran tuntutan yang tidak menggunakan borang yang baru ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuwan'**

Saya yang menurut perintah,

**(SAODAH BINTI HASSAN)**  
Bendahari